

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10327

SOALAN :

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan cara-cara untuk menarik lebih ramai pemuda bukan Melayu menyertai Polis Diraja Malaysia.

71

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah negara yang *multi racial*, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memerlukan penyertaan semua kaum untuk berkhidmat dalam Pasukan Polis bagi tujuan:

- i) mengurangkan jurang bahasa dan memberi keselesaan kepada pelanggan yang berurusan di balai-balai yang penduduknya kurang fasih berbahasa Malaysia.**
- ii) mempermudah kerjasama bagi mendapatkan maklumat dalam siasatan kes-kes yang melibatkan bangsa asing serta merapatkan jurang antara polis dan masyarakat.**
- iii) mendekati masyarakat dalam menangani kes-kes jenayah serta mendapatkan keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap PDRM.**

Pelbagai kempen dan karnival kerjaya telah dianjurkan sama ada oleh PDRM, persatuan-persatuan, pertubuhan dan NGO's bagi memberi penerangan dan galakkan kepada belia-belia bukan berbangsa Melayu untuk menyertai PDRM.

PDRM turut mencari alternatif lain dengan mengemukakan permohonan ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi melonggarkan syarat Skim Perkhidmatan yang memerlukan kelayakan akademik SPM dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia dan kelayakan ujian mata diberi pertimbangan untuk menarik lebih ramai kaum Cina menyertai PDRM. Calon-calon yang berminat dan berkelayakan boleh membuat mengemukakan permohonan di laman web SPA, www.spa.gov.my.

Adalah diharapkan melalui kempen yang dijalankan, lebih ramai belia bukan berbangsa Melayu tampil untuk menyertai PDRM dan kelonggaran syarat perkhidmatan yang diberi pertimbangan oleh JPA dalam pengambilan khas akan menggalakkan lebih ramai belia Cina tampil untuk menyertai pasukan Polis.